

# Kedah - China sambung runding urusan transit jemaah haji

JITRA 19 Feb. — Kerajaan Negeri Kedah akan menyambung semula rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan di China mengenai urusan transit sebahagian jemaah haji negara itu di negeri ini sebelum meneruskan perjalanan ke Jeddah.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, wakil kerajaan iaitu Pengerusi Jawatankuasa Industri, Sains dan Teknologi Negeri, Datuk Beh Heng Seong akan berlepas ke negara tersebut minggu depan.

“Kita berharap urusan itu akan berjaya kerana kita kini telah bersedia untuk menerima jemaah haji dari China,” katanya kepada para pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Pemandu dan Tuan Punya Teksu Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini semalam.

Beliau menjelaskan, China sebelum ini telah bersetuju pada dasarnya untuk menjadikan Langkawi sebagai transit bagi jemaah haji mereka sebelum ke Jeddah.



SYED RAZAK

Menurutnya, terdapat kira-kira sejuta umat Islam dari China yang mengerjakan haji pada setiap tahun dan selama ini mereka menjadikan Hong Kong sebagai transit sebelum mendapatkan penerbangan ke Jeddah.

Bagaimanapun Menteri Besar berkata, kegawatan ekonomi menjejaskan usaha kerajaan negeri untuk men-

jayakan usaha itu terutamanya yang melibatkan pembiayaan kemudahan tempat tinggal jemaah haji dari negara itu.

Syed Razak berkata, kerajaan negeri akan mencadangkan agar tempat transit itu diubahkan dari Langkawi ke Alor Setar kerana pelbagai projek yang sedang dilaksanakan sekarang akan memudahkan jemaah haji dari China.

Jelasnya, antara projek terlibat ialah pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas dan juga Kompleks Islam di Jalan Langgar yang juga akan menempatkan kampus Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah) serta Masjid Negeri.

Insaniah yang akan dinaik taraf menjadi Universiti Islam Kedah (UIK) mempunyai kemudahan asrama yang boleh dijadikan tempat penginapan untuk jemaah haji dari China, ujanrya.